

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 14 Disember 2022



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA OKTOBER 2022

Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 10.3 peratus pada Oktober 2022

PUTRAJAYA, 14 Disember 2022 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Oktober 2022**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Memetik kepada laporan, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, berkata, "Pengeluaran getah asli menurun 10.3 peratus pada bulan Oktober 2022 (31,795 tan metrik) berbanding pada bulan September 2022 (35,460 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun turut menunjukkan penurunan 26.3 peratus (Oktober 2021: 43,127 tan metrik). Beliau menambah, pengeluaran getah asli Malaysia pada Oktober 2022 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (87.8%) berbanding sektor estet (12.2%).

Jumlah stok getah asli pada Oktober 2022 menurun 0.3 peratus kepada 198,122 tan metrik berbanding 198,706 tan metrik pada September 2022. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 90.8 peratus diikuti kilang pengguna getah (9.1%) dan estet getah (0.1%).


Eksport getah asli Malaysia berjumlah 41,548 tan metrik pada Oktober 2022 menurun 23.8 peratus berbanding September 2022 (54,542 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 56.2 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Oktober 2022 diikuti Jerman (8.2%), Brazil (3.3%), Finland (3.2%) dan Iran (3.0%). Sebagai tambahan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.1 billion pada Oktober 2022, menurun 13.2 peratus berbanding September 2022 (RM1.3 billion)".

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 2.2 peratus (Oktober 2022: 466.42 sen sekilogram, September 2022: 476.76 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat 1.2 peratus (Oktober 2022: 471.29 sen sekilogram, September 2022: 465.86 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) menurun antara 0.6 hingga 2.1 peratus. *World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) masing-masing menurun 2.6 peratus (daripada USD1.32/kg kepada USD1.29/kg) dan meningkat 1.1 peratus (daripada USD1.48/kg kepada USD1.50/kg).


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan PocketStats yang mengandungi statistik ekonomi dan sosial suku tahunan dan tahunan. Ia boleh diakses daripada pautan berikut https://bit.ly/PocketStats_2022.

**Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Oktober 2021, September - Oktober 2022
('000 tan metrik)**



**Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Oktober 2021, September - Oktober 2022
('000 tan metrik)**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
14 DISEMBER 2022**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, 14th December 2022



DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA
OCTOBER 2022

**Malaysia natural rubber production
decreased by 10.3 per cent in October 2022**

PUTRAJAYA, 14 December 2022 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, October 2022**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said, "Natural rubber production decreased by 10.3 per cent in October 2022 (31,795 tonnes) as compared to September 2022 (35,460 tonnes). Year-on-year comparison also showed that the production of natural rubber decreased by 26.3 per cent (October 2021: 43,127 tonnes). He added, production of natural rubber in October 2022 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (87.8%) as compared to estates sector (12.2%).

Total stocks of natural rubber in October 2022 decreased by 0.3 per cent to 198,122 tonnes as compared to 198,706 tonnes in September 2022. Rubber processors factory contributed 90.8 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (9.1%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's natural rubber amounted to 41,548 tonnes in October 2022, decreased 23.8 per cent as against September 2022 (54,542 tonnes). P.R. China remained as the main destination for natural rubber exports which accounted 56.2 per cent of total


exports in October 2022 followed by Germany (8.2%), Brazil (3.3%), Finland (3.2%) and Iran (3.0%). In addition, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The exports performance was contributed by natural rubber-based product such as gloves, tyre, tube, rubber thread and condom. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.1 billion in October 2022, a decrease of 13.2 per cent as compared to September 2022 (RM1.3 billion)”.

Analysis of the average monthly price showed that Latex Concentrated recorded a decrease of 2.2 per cent (October 2022: 466.42 sen per kg, September 2022: 476.76 sen per kg) while, Scrap increased by 1.2 per cent (October 2022: 471.29 sen per kg, September 2022: 465.86 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) decreased between 0.6 to 2.1 per cent. World Bank Commodity Price Data reported prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 2.6 per cent (from USD1.32/kg to USD1.29/kg) and increased 1.1 per cent (from USD1.48/kg to USD1.50/kg) respectively.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM also published PocketStats which contain quarterly and annual economic and social statistics. It can be accessed from the following link https://bit.ly/PocketStats_2022.

**Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber October 2021, September - October 2022
('000 tonnes)**



**Chart 2: Imports and exports of natural rubber October 2021, September - October 2022
('000 tonnes)**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
14th DECEMBER 2022**